

23/08/2002

Siasatan Bunyamin diterima hujung minggu

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis Kelantan sudah selesai menjalankan siasatan terhadap bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, mengikut Akta Hasutan 1948 kerana mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Datuk Musa Hassan, berkata Bukit Aman sedang menunggu laporan siasatan itu yang dijangka diserahkan hujung minggu ini.

"Jika semuanya berjalan mengikut jadual, laporan siasatan itu akan dikemukakan kepada pejabat Peguam Negara minggu depan untuk menentukan tindakan susulannya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Musa berkata, keterangan Bunyamin melengkapkan siasatan kes itu dan setakat ini 22 individu sudah dirakam percakapan mereka sejak penyiasatan bermula awal bulan ini.

Selasa lalu, penceramah Pas itu hadir ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan bagi memberi kenyataan kepada polis berhubung ceramahnya di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, 15 Mac lalu.

Penceramah Pas berusia 56 tahun itu memberi keterangan selama kira-kira empat jam mengikut Seksyen 4(1)(b) akta yang sama.

Selain Bunyamin, beberapa wartawan Berita Harian turut memberi kenyataan bagi membantu siasatan kes.

Siasatan terhadap Bunyamin mengikut Akta Hasutan 1948 yang dijalankan sejak awal bulan ini terhenti sementara apabila polis gagal mengesannya.